

D886

U B394 AAB
UMNO - MAHATHIR R R R

JOHOR BAHRU, 11 MEI (BERNAAM) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN BAHAWA ORANG MELAYU MASIH MEMERLUKAN KUASA POLITIK DAN PENGARUH YANG KUAT DALAM KERAJAAN DEMI MEMPERTINGKATKAN LAGI TAHAP PEMBANGUNAN MEREKA.

KETIKA BERUCAP PADA PERHIMPUNAN HARI KELAHIRAN UMNO YANG KE-43 DI PERKARANGAN ISTANA BESAR DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA, SELAGI PENCAPAIAN ORANG MELAYU BELUM SAMPAI KE TAHAP YANG BOLEH MENJAMIN KEJAYAAN MASA DEPAN MEREKA, SELAGI ITULAH ORANG MELAYU HARUS MENENTUKAN KEMENAGAN MEREKA DALAM BIDANG POLITIK.

SAMBIL MENYIFATKAN PERJUANGAN ORANG MELAYU SEBAGAI BELUM TAMAT, BELIAU MENJELASKAN BAHAWA ORANG MELAYU BELUMLAH MENCAPAI TAHAP PEMBANGUNAN YANG BOLEH MEMBANTU MEREKA BERSAINGAN DALAM MASYARAKAT MAJMUK MALAYSIA DENGAN JAYANYA.

OLEH ITU, KATA PRESIDEN UMNO ITU, POLITIK ORANG MELAYU MASA KINI BUKAN UNTUK MENDAPAT TEMPAT TERTENTU BAGI DIRI SESIAPA TETAPI UNTUK MEMPERTAHANKAN KEDUDUKAN ORANG MELAYU YANG MASIH LEMAH.

WALAU PUN KEDUDUKAN ORANG MELAYU SEKARANG BEGITU BAIK, SEHINGGA ADA YANG LUPA AKAN SEBABNYA MEREKA TIDAK BERASA CEMAS, TETAPI INI ADALAH KERANA UMNO MASIH ADA UNTUK MENENTUKAN ORANG MELAYU TERLINDING, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. -- LAGI.

1854MST 11 05 89

D887

U B395 AAB
UMNO - MAHATHIR 2 JOHOR BAHRU R R R

+JIKA UMNO TIDAK ADA DAN PARTI YANG MEMERINTAH DIANGGOTAI OLEH 40 WAKIL RAKYAT MELAYU DAN YANG LAINNYA DARIPADA KAUM LAIN, SEPERTI YANG DIRANGKA OLEH KUMPULAN SERPIHAN, ORANG MELAYU TIDAK AKAN MENDAPAT PERLINDUNGAN LAGI.

+PADA MASA ITU, KITA AKAN BALIK KEPADA SITUASI SEMASA BRITISH MEMERINTAH BAHKAN LEBIH BURUK DARIPADA ITU,+ KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI YANG BERUCAP SELAMA 55 MINIT SETERUSNYA BERKATA UMNO BUKAN ALAT SESIAPA UNTUK MENDAPAT JAWATAN YANG TINGGI TETAPI UMNO ADALAH ALAT PERJUANGAN ORANG MELAYU.

DENGAN ADANYA UMNO, KATA BELIAU, ORANG MELAYU TELAH DAPAT MEMPERTAHANKAN KEDUDUKAN MEREKA DI SAMPING MENINGKATKAN KEBOLEHKAN MEREKA UNTUK BERSAINGAN.

+UMNO TELAH BERJAYA MENJADIKAN ORANG MELAYU SATU BANGSA YANG CUKUP SOFISTIKATED DALAM BIDANG POLITIK. MEREKA BOLEH MENGEMBLENGKAN ORANG MELAYU DALAM SATU JENTERA POLITIK YANG BERKESAN DAN BERWIBAWA SEHINGGA SUKAR DIKALAHKAN.+ -- LAGI.

1856MST 11 05 89

0888

U B396 AAB

UMNO - MAHATHIR 3 JOHOR BAHRU R R R

DEMIKIANLAH BERKESANNYA PERJUANGAN UMNO SEHINGGA HARI INI, SETIAP ORANG MELAYU BAHKAN SETIAP RAKYAT MALAYSIA SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG MENDAPAT NIKMAT DARIPADANYA, KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA KEJAYAAN ITU SEMUANYA ADALAH HASIL SEMANGAT TRADISI DAN ADAT YANG MEMBAWA ORANG MELAYU SERTA PERTUBUHAN-PERTUBUHAN MEREKA KE SUATU KONGRES PADA 1 MAC 1946.

SAMBIL MENYATAKAN JUMLAH ANGGOTA UMNO SEKARANG SUDAH SAMA DENGAN BILANGAN ANGGOTA UMNO DAHULU, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA TIDAK DAPAT DINAFIKAN LAGI BAHAWA UMNO YANG ADA SEKARANG MENDAPAT SOKONGAN MAJORITI YANG BESAR DARIPADA ORANG MELAYU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MEREKA YANG PERCAYA DAN INGINKAN PERPADUAN TIDAK BOLEH MENOLAK UMNO KERANA TANPA UMNO, PERPADUAN TIDAK BERMAKNA.

+APAKAH DENGAN DISATUKAN KUMPULAN-KUMPULAN SERPIHAN DAN MINORITI ORANG MELAYU DAN MENENTANG MAJORITI ORANG MELAYU, MAKA PERJUANGAN TERCAPAI?+, SOAL BELIAU SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA NEREKA YANG INGINKAN PERPADUAN MESTILAH BERSATU DENGAN PIHAK MAJORITI.

BELIAU BERKATA, JIKA PERPADUAN HENDAK DICAPAI, MAKA MASING-MASING MESTILAH MENYERTUJUI AKAN ASAS DAN DASAR YANG SAMA. JIKA TIDAK MAKA YANG DILAKUKAN BUKANLAH PERPADUAN TETAPI SATU PAKATAN SAHAJA. -- BERNAMA.

1858MST 11 05 89